

06 OCT 2001

Lima-Pesawat

LEBIH 10 PESAWAT TUDM MULA LATIHAN

LANGKAWI, 6 Okt (Bernama) -- Ruang udara Langkawi hari ini digegarkan dengan bunyi jet pejuang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang berlatih untuk mengambil bahagian dalam pertunjukan hari pertama Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima 2001).

Jurucakap penganjur segmen udara, Le Proton Lima Sdn Bhd berkata tujuh pesawat MiG-29 Fulcrum dan enam pesawat F/A-18 Hornets menjalani latihan kira-kira dua jam yang bermula pukul 10 pagi.

Katanya, latihan penuh pertunjukan udara akan diadakan Isnin ini.

Orang ramai yang berada di sekitar lapangan terbang antarabangsa Langkawi juga dapat menyaksikan latihan payung terjun dan pelbagai aksi menarik pesawat berkenaan di udara.

Latihan itu menyebabkan sepuluh anggota kelab penerbangan pesawat kawalan jauh MYHH terpaksa menangguhkan cubaan melakukan penerbangan tanpa henti selama 12 jam yang dijadualkan bermula 9 pagi tadi untuk dicatat dalam Malaysia Book of Records.

Pengerusi Eksekutif MYHH Hobby Centre Sdn Bhd, Mahamad Yusuf Hasan berkata mereka dijangka menerbangkan pesawat model Pilatus PC-9 dan Seagull pada sebelah petang.

Dalam tinjauan Bernama di segmen udara, kawalan ketat keselamatan diadakan di pintu keluar masuk ke Dewan Pameran Antarabangsa Mahsuri.

Sebelum ini, Menteri Pertahanan Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak telah memberi jaminan kepada peserta Lima bahawa kawalan keselamatan akan dipertingkatkan.

Sementara itu, pasukan aerobatik Red Arrows dari United Kingdom yang dijadual tiba Khamis lepas akan datang Isnin ini. Pasukan 11 buah pesawat Hawk 100 itu kini berada di Afrika Selatan.

Jurucakap Le Proton berkata dua pesawat jenis F-18EF dan pesawat kargo jenis C-21 dari Amerika Syarikat dijadual tiba hari ini manakala pesawat amfibia BE-200 dari Irkutsk, Rusia tiba semalam.

Pesawat BE-200 pelbagai guna yang mampu berlepas dari daratan dan air itu dijangka mempamerkan keupayaan untuk aktiviti memadam kebakaran pada Lima 2001.

Pesawat berkenaan juga boleh digunakan untuk operasi mencari dan menyelamatkan selain sebagai pesawat kargo dan penumpang.

Jurucakap itu berkata pesawat MiG-29, IL-103 dari Rusia dengan pesawat pengangkut jenis AN12 dan pesawat pasukan aerobatik Gromov dari Rusia jenis Su-30 N597 yang dibawa dengan pesawat pengangkut IL-78 Tanker tiba Khamis lepas.

Bagi segmen maritim, semua kapal dari dalam dan luar negara dijangka berlabuh di perairan sekitar Tanjung Malai di sini Isnin ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir dijadual merasmikan segmen udara pada sebelah pagi Selasa ini diikuti segmen maritim pada sebelah petang.

Pameran bagi kedua-dua segmen Lima 2001 hanya dibuka kepada orang ramai pada 13 dan 14 Okt.

-- BERNAMA

NH MOZ